

30 DEC 1999

Mahathir-Agama

JANGAN AMALKAN ISLAM SECARA SEMBUNYI, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 30 Dis (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata adalah penting bagi umat Islam di Malaysia mengamalkan agama mereka bukan secara sembunyi-sembunyi tetapi hendaklah dilakukan di hadapan semua rakyat negara ini tanpa mengira kepercayaan.

Beliau berkata jika Islam, sebagai agama rasmi Malaysia, dilihat sebagai penuh misteri dan amalannya disembunyikan, akan wujud kebimbangan dan rasa syak bahawa ajaran agama rasmi itu akan dikenakan terhadap penganut agama lain.

"Akan timbul kebimbangan bahawa agama lain akan dihalang daripada diamalkan. Akan timbul kekhuatiran terhadap pengislaman secara paksa...", katanya ketika merasmikan Persidangan Antarabangsa Pengajian Agama: Menghadapi Alaf Baru di Hotel Palace of the Golden Horses di sini hari ini.

Dr Mahathir berkata sementara orang bukan Islam tidak seharusnya diperlukan menghadiri sebarang acara keagamaan, mereka tidak harus dilarang daripada menghadirinya apabila sesuatu acara seperti itu dijalankan.

Walaupun Malaysia diterajui oleh kerajaan orang Melayu beragama Islam, tidak ada sebarang usaha untuk menindas orang bukan Islam, katanya.

"Kerajaan Malaysia sangat toleran dan menghormati amalan keagamaan kumpulan agama yang lain. Tidak ada sesiapa boleh berkata bahawa langkah itu tidak Islamik," kata beliau.

Dr Mahathir berkata agama masih relevan di dalam masyarakat pelbagai agama di Malaysia.

"Untuk mengetepikannya adalah kurang bijak. Sebuah masyarakat yang sebenar-benar sekular tidak boleh diwujudkan di Malaysia. Agama semua orang harus memainkan peranan," katanya.

Dr Mahathir berkata di negara lain di mana agama rasmi merupakan agama hampir keseluruhan rakyatnya, kebebasan untuk mengamalkan agama lain tidak begitu penting.

"Bagaimanapun di Malaysia di mana Islam merupakan agama bagi hanya 60 peratus penduduknya, bukan sahaja kebebasan untuk menganuti agama lain sangat bermakna tetapi ia menunjukkan sikap toleransi majoriti orang Islam," katanya.

Dr Mahathir berkata orang Islam di negara ini sangat beruntung kerana pembacaan doa sebelum bermulanya sesuatu majlis diterima oleh semua orang dan setiap orang boleh berdoa mengikut kepercayaan masing-masing ketika doa orang Islam dibacakan.

Satu lagi fenomena yang boleh dilihat di Malaysia ialah sambutan bersama perayaan keagamaan.

"Rumah terbuka semasa perayaan keagamaan menemukan rakyat daripada pelbagai kepercayaan dan ini tidak syak lagi membawa kepada pemahaman yang lebih mendalam mengenai agama masing-masing, atau sekurang-kurangnya adat budaya masing-masing," katanya.

Dr Mahathir berkata apa yang lebih menarik ialah majlis berbuka puasa di bulan Ramadan di mana hotel dan restoren menyajikan makanan untuk orang Islam berbuka puasa, tetapi orang bukan Islam turut serta dan mereka dengan penuh hormat menahan diri daripada menjamu makanan buffet sehingga rakan mereka yang beragama Islam telah berbuka puasa.

Beliau berkata kepelbagaian di dalam amalan beragama telah mencetuskan pertelagahan ganas di negara lain, tetapi di Malaysia ia sebenarnya menyatukan penganut pelbagai agama.

Persidangan tiga hari itu dianjurkan oleh Persatuan Pengajian Agama

Chihui Pang dari Kuala Lumpur dan Jabatan Pengajian Cina, Fakulti Sastera dan Sains Sosial Universiti Malaya.

Persidangan yang bertemakan "Agama pada Abad ke-21: Satu Prospektif Peradaban" itu diadakan bertujuan untuk memupuk keamanan dunia dan pemahaman antara agama pada abad ke-21 menerusi pertukaran akademik dan pengajian agama.

Kira-kira 500 peserta tempatan dan dari luar negara termasuk Taiwan, China, Hong Kong dan Singapura menghadiri persidangan itu.

-- BERNAMA

HS ARA AKD